

Kumpulan separa politik terbabit

# Ejen Barat

# racuni rakyat

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

**SEREMBAN, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mendedahkan kewujudan kumpulan separa politik yang menjadi ejen negara Barat untuk cuba mempengaruhi rakyat dengan tafsiran demokrasi yang salah.**

Beliau berkata, sebahagian daripada golongan aktivis minoriti itu mendapat pembiayaan dari negara luar dan kerajaan mengetahui siapa mereka.

Menurut Perdana Menteri, ejen itu terlalu mengagungkan demokrasi ala Barat yang hanya mengutamakan kepentingan individu sedangkan Malaysia mengamalkan demokrasi yang mementingkan hak masyarakat keseluruhannya tanpa membela-kangkan hak minoriti.

Katanya, ejen itu terbahagi kepada dua kumpulan — satu aktif dengan mendapat pembiayaan dari negara asing manakala satu lagi adalah kumpulan 'burung tiang' yang akan mengulangi apa saja yang diucapkan oleh negara Barat yang mereka percayai.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan bertindak mendedahkan kegiatan mereka bagi menghalang mereka daripada terus bermaharajalela dan rakyat tidak mudah terpengaruh dengan pemikiran kumpulan itu.

"Sebagai sebuah negara demokrasi,

kita memang tidak boleh mengambil tindakan melulu, tetapi cara paling sesuai yang kita lakukan sekarang ialah dengan menjelaskan tafsiran demokrasi yang sebenar kepada rakyat.

"Jika kita menyalah tafsirkan demokrasi, kita akan musnah dan tidak mungkin boleh menjadi negara maju," katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan taklimat mengenai Wawasan 2020 kepada ketua jabatan dan pemimpin masyarakat, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, ejen itu membiarkan diri mereka dikongkong negara Barat semata-mata kerana mereka sendiri tidak berpuas hati dengan demokrasi yang diamalkan di negara ini.

## LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 2

"Saya tahu siapa mereka. Mereka gunakan media asing dan pengaruh negara lain untuk cuba memberi maklumat yang tidak berasas supaya negara kita tidak stabil dan seterusnya ekonomi negara terjejas," katanya.

Mengenai laporan media Thailand bahawa Malaysia sedia menerima 400 bekas gerila Partai Komunis Malaya (PKM) yang berada di sempadan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

Menjawab soalan lain, beliau berkata, penghijrahan belia desa ke bandar tidak perlu dikhuatiri asalkan ia bertujuan memenuhi keperluan tenaga kerja di kilang dan syarikat ke arah menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Sementara itu, dalam taklimatnya mengenai Wawasan 2020 kepada ketua jabatan dan pemimpin masyarakat, Perdana Menteri berkata sudah tiba ma-

sanya rakyat menghapuskan sikap tidak yakin kemampuan sendiri dan percaya hanya negara Barat saja boleh maju.

Katanya, hari ini pun Malaysia masih ditindas kuasa besar yang cuba mengarahkan itu dan ini kepada kita serta sering mencemuh keupayaan kita mentadbir negara dan mencipta kejayaan.

"Kita dijajah beratus tahun kerana kita selalu berfikir sebagai golongan yang kerdil, lebih-lebih lagi apabila penjajah sering menidakkan keupayaan kita.

"Oleh itu, Malaysia perlu menjadi sebuah negara maju bagi mengelakkan terus ditindas dan diugut kuasa besar," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kejayaan negara masa kini yang mampu mewujudkan kestabilan politik dan perpaduan kaum serta pencapaian pertumbuhan ekonomi 10 peratus tahun lalu mengukuhkan negara Barat.

"Dalam lawatan saya ke Britain baru-baru ini, seorang menteri negara itu hairan bagaimana kita boleh mencapai kejayaan yang sungguh membanggakan itu. Kalau dulu mereka memperkecilkan keupayaan kita, sekarang mereka pula hairan dengan kejayaan kita.

"Inilah bentuk kemajuan yang perlu kita kekalkan dan Wawasan 2020 hanya boleh dicapai menerusi kerjasama semua pemimpin politik, masyarakat dan kakitangan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, tidak salah rakyat menganggap dirinya umpama kura-kura kalau kura-kura itu mempunyai keyakinan dan sentiasa berusaha untuk maju sehingga akhirnya dapat menandingi arnab yang angkuh dengan keupayaannya berlari laju.